

PERANAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI DAN MAKLUMAT DALAM MENINGKATKAN PENGLIBATAN GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA DALAM PERNIAGAAN DIGITAL

¹Che Su binti Mustafa

²Haslina binti Halim

³Jasni bin Ahmad

^{1,2&3}Pusat Pengajian Teknologi Multimedia, Universiti Utara Malaysia

¹chesu402@uum.edu.my, ²iina@uum.edu.my ³jasni@uum.edu.my

Tarikh dihantar: 13 Julai 2023 / Tarikh diterima: 1 Ogos 2023

Abstrak Kertas kerja ini memperkatakan tentang penguasaan kemahiran teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) sebagai salah satu aspek penting dalam membantu golongan orang kurang upaya (OKU) untuk terlibat dalam keusahawanan sebagai salah satu cara untuk menjana pendapatan. Penglibatan dalam keusahawanan merupakan salah satu pilihan yang ada kepada golongan OKU yang berdepan dengan masalah persaingan untuk mendapatkan pekerjaan, isu berkaitan dengan diskriminasi di tempat kerja, halangan fizikal yang tidak membolehkan mereka memenuhi syarat pekerjaan dan sebagainya. Kertas kerja ini adalah merupakan hasil kajian kajian yang dilakukan dalam kalangan 26 orang kurang upaya yang terlibat dalam bidang keusahawanan. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kualitatif. Data dikumpulkan melalui perbincangan kumpulan fokus. Hasil kajian menunjukkan tahap penguasaan yang rendah dalam kalangan golongan OKU kerana beberapa faktor. Namun begitu, golongan OKU yang terlibat dalam bidang keusahawanan mengakui kepentingan untuk kemahiran ICT sebagai salah satu pemungkinan kepada keperluan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan terutama dalam era pandemik. Kertas kerja ini menyumbang kepada polisi berkaitan dengan komunikasi penyertaan dan kumpulan terpinggir.

Kata Kunci: Orang Kurang Upaya; teknologi komunikasi dan maklumat; keusahawanan

Abstract This paper discuss about the mastery of communication and information technology (ICT) skills as one of the important aspects in helping people with disabilities (OKU) to engage in entrepreneurship as one way to generate income. Involvement in entrepreneurship is one of the options available to people with disabilities who are faced with the problem of competition to get a job, issues related to discrimination in the workplace, physical barriers that do not allow them to meet employment requirements and so on. This paper is the result of a study conducted among 26 disabled people who are involved in the field of entrepreneurship. This study applies a qualitative design. Data was collected through focus group discussions. The results of the study show a low level of mastery among the disabled due to several factors. Nevertheless, the disabled people who are involved in the field of entrepreneurship acknowledge the importance of ICT skills as one of the catalysts for the need to venture into the field of entrepreneurship, especially in the pandemic era. This paper contributes to policy related to participatory communication and marginalized groups.

Key words: Person with disabilities, information communication technology, entrepreneur

PENDAHULUAN

Salah satu golongan yang dikategorikan dalam kumpulan terpinggir ialah golongan kurang upaya (OKU). Pada hakikatnya, golongan OKU adalah merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berdasarkan hak atau rights-based

dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU. Dari segi takrifan, OKU adalah seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat.

Antara cabaran yang dihadapi golongan OKU adalah untuk menyara kehidupan mereka sehari-hari. Malahan dikatakan golongan OKU merupakan golongan minoriti yang tidak mendapat perkhidmatan yang sepatutnya dan sering diabaikan oleh masyarakat. Akta Golongan Kurang Upaya 2008 mendefinisikan mereka sebagai: ...mereka yang menghadapi masalah fizikal, mental, intelektual atau kemerosotan deria yang menyebabkan mereka sukar untuk bergaul dan berfungsi dalam masyarakat, lebih-lebih lagi apabila berhadap dengan pelbagai cabaran (Sani, 2020). Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 (Akta 685) telah diwujudkan di bawah undangundang Malaysia, mengiktiraf golongan OKU supaya berhak diberi perlindungan dan peluang dalam keadaan sama rata tertakluk kepada batasan dan perlindungan bagi golongan OKU. Bagi membantu golongan OKU, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah menggubal Dasar Orang Kurang Upaya Negara pada tahun 2007. Asas dasar ini adalah memberi pengiktirafan bahawa orang kurang upaya adalah sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai hak dan peluang yang sama untuk hidup seperti ahli masyarakat yang lain. Kaedah yang diguna pakai dalam dasar ini adalah berdasarkan hak dan perlindungan untuk memastikan kepentingan dan kesejahteraan orang kurang upaya (JKM, 2019). Oleh kerana kewujudan dan pelaksanaan Dasar Orang Kurang Upaya pada tahun 2007, rang undang-undang OKU 2008 telah berjaya dilaksanakan. Antara lain, Akta OKU 2008 mengiktiraf bahawa orang kurang upaya berhak mendapat peluang dan perlindungan serta bantuan yang sama rata dalam semua keadaan, dan hanya tertakluk kepada sekatan dan hak yang diperuntukkan oleh Perlembagaan. Selain itu, Dasar Orang Kurang Upaya telah mendorong kerajaan melaksanakan pelbagai rancangan dan pelan tindakan untuk membantu golongan OKU di negara ini. Ini termasuk Pelan Tindakan OKU 2016-2022, yang menggariskan sepuluh keutamaan strategik yang digariskan dalam Dasar Kurang Upaya 2007 (JKM, 2019) untuk membantu OKU. Namun begitu, OKU sering menghadapi rintangan di luar kemunasabahan dalam mendapatkan pekerjaan. Ini menyebabkan ramai golongan OKU yang memilih untuk berkerja sendiri sebagai satu sumber rezeki. Antara bidang yang sering diceburi oleh OKU ialah perniagaan dna keusahawanan. Bahagian berikutnya membincangkan tentang permasalahan yang dikemukakan dalam konteks kajian ini iaitu berkaitan dengan keperluan penguasaan aspek ICT bagi membolehkan OKU menceburi bidang berkenaan dengan lebih berkesan terutama ketika pandemik.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kemahiran teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) adalah salah satu kompetensi penting yang perlu dikuasai oleh semua orang. Ini kerana ia menjadi asas kepada teknologi digital. Teknologi digital yang diterapkan dalam pelbagai bidang perniagaan seperti telekomunikasi, peruncitan, kewangan dan sebagainya bertujuan untuk meningkatkan lagi hasil, mengurangkan kos operasi, meningkatkan kepuasan pelanggan, rakan kongsi dan pekerja. Selain membantu dalam peningkatan hasil, penggunaan digital juga dapat mengembangkan capaian ke negara lain dengan wujudnya teknologi canggih seperti Internet dan e-dagang.. Malah, teknologi ini akan terus menjadi sebahagian atau komponen dalam apa juga jenis perniagaan. Di peringkat global, masyarakat telah menggunakan teknologi baharu dan menjadi salah satu teknologi kemudahan terpenting yang diperlukan dalam kehidupan

seharian setiap individu. Namun begitu, persoalan yang timbul ialah sejauhmanakah golongan terpinggir seperti golongan termiskin, OKU, gelandangan dan sebagainya yang merupakan anggota masyarakat terkebawah. Salah satu contoh ialah penggunaan talipon bimbit. Kajian oleh Mohd Alif, Siti Hajar, Noralina dan Norruzeyati (2022) dalam kalangan golongan gelandangan mendapati bahawa telefon bimbot banyak digunakan kerana keupayaan untuk berkomunikasi dengan orang ramai, harga telefon yang mampu milik, penggunaan telefon bimbit yang mudah dengan kepelbagaiannya aplikasi, menyediakan medium media sosial, menyelesaikan masalah geografi dari segi perhubungan, dan akhir sekali mempunyai rangkaian internet walaupun masih terhad. Salah satu golongan yang terpinggir dari segi ICT ialah golongan OKU. Namun begitu, golongan OKU mempunyai kesukaran untuk memperolehi kemahiran ini. Kesukaran ini menyebabkan keupayaan mereka untuk bersaing di pasaran kerja adalah rendah. Kajian itu menunjukkan kepentingan memperoleh kemahiran ICT untuk bersaing dalam buruh. Hasil kajian menunjukkan bahawa pihak kerajaan tidak menyediakan latihan kemahiran ICT untuk golongan OKU menyebabkan mereka terpaksa memperoleh kemahiran ini di pusat swasta dan dalam masa yang sama golongan OKU di belenggu oleh masalah kewangan. Beberapa kajian dan laporan telah menunjukkan bahawa orang-orang ketidakupayaan menghadapi masalah kewangan dari segi pembangunan keupayaan dan kemahiran.

Menurut ILO (Osman, 2005), 80% OKU di dunia hidup di bawah garis kemiskinan. Walaupun kuota pekerjaan diperuntukkan oleh kerajaan kepada OKU, sebahagian besar daripada mereka tidak mendapat manfaat daripada peluang-peluang ini kerana rendah tahap pendidikan dan kemahiran. Perkara yang sama didapati dalam kajian oleh Osman (2010) yang mendapati halangan kewangan merupakan masalah utama bagi golongan OKU di Malaysia untuk mempertingkatkan kemahiran mereka. Melalui perniagaan digital, golongan OKU kini berpeluang berada secara inklusif di dalam arus digital dunia perniagaan dalam talian, sekali gus dapat mempromosi produk mereka secara meluas. Tambahan pula dalam era pandemik yang menukar aktiviti daripada aktiviti secara atas talian adalah satu kemestian dalam mengadaptasi kondisi norma baru. Norma baru mengalakkan organisasi dan individu untuk menggunakan teknologi (Carroll & Conboy, 2020; Dwivedi et. al, 2020; Fauzi & Yuliwati, 2022) bagi membolehkan mereka terus bertahan ketika pandemik. Situasi ini menjadi lebih mencabar terutamanya bagi golongan OKU. Walaupun kerajaan Malaysia telah berusaha ke arah memperkasakan OKU melalui pekerjaan dan memperuntukkan 1% kuota pekerjaan dalam perkhidmatan awam untuk OKU, kebanyakan mereka menganggur kerana tidak mampu bersaing dalam pasaran buruh.

Dalam situasi Malaysia, akibat daripada pelbagai kesukaran yang dihadapi oleh OKU, pekerjaan peluang untuk mereka adalah terhad berbanding golongan bukan OKU. Kesukaran seperti itu ada bentuk peluang pekerjaan yang terhad, dan mendapatkan hak untuk melatih, pekerjaan dan pekerjaan. Ini merupakan antara faktor kenapa golongan OKU memilih perniagaan atau keusahawanan sebagai satu pilihan mereka. Tambahan pula, prinsip pekerja harus menguasai penggunaan teknologi bagi kebolehpasaran mereka juga terpakai kepada golongan OKU bagi meningkatkan peluang mereka dalam mencari pekerjaan kalis masa hadapan serta meningkatkan rangkuman sosial. Namun begitu, persoalan yang timbul ialah sejauhmanakah golongan OKU ini menguasai ICT. Ini kerana golongan OKU yang kurang mampu dari segi ekonomi mungkin juga terhadap dalam mendapat latihan tentang ICT padahal latihan ICT dapat meningkatkan adaptasi teknologi digital khususnya dalam kalangan OKU untuk membantu transformasi perniagaan mereka seiring era Industri Revolusi 4.0 (IR4.0) ini. Golongan OKU ini juga sebahagian daripada potensi pelanggan di dunia digital, jadi mereka juga seharusnya didekah dan diberi peluang untuk berada pada era teknologi dalam talian ini. Ini akan membolehkan dan membuka ruang serta platform kepada komuniti (OKU) untuk terlibat secara langsung dalam ekonomi digital terutamanya perniagaan dalam talian

Sehubungan ini, persoalan utama yang dikemukakan dalam kertas kerja ini adalah berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi oleh golongan OKU serta persepsi mereka terhadap perniagaan atas talian.

Objektif utama kertas kerja ini adalah untuk mengenalpasti isu dan permasalahan utama golongan terpinggir dan sejauhmana penguasaan ICT dalam bentuk perniagaan digital berupaya untuk membantu mereka.

KAJIAN LEPAS

Banyak kajian yang dilakukan terhadap golongan OKU berkaitan pekerjaan. Isarudin, Azmi dan Aun (2021) menjelaskan bahawa terdapat dua bentuk sokongan yang diterima oleh usahawan belia kurang upaya iaitu sokongan bentuk ketara dan sokongan tidak ketara. Sokongan ketara terdiri daripada tiga sokongan iaitu kewangan, pengetahuan (kursus latihan) dan peralatan atau material. Sokongan tidak ketara pula terdiri daripada keluarga, rakan dan kaunselor. Hasil kajian mendapatkan sokongan ketara dari segi kewangan, pengetahuan dan peralatan lebih banyak diterima oleh usahawan belia kurang upaya berbanding sokongan daripada keluarga, rakan dan kaunselor. Manakala Mohhairil et al. (2018) mendapatkan bahawa antara isu utama dalam pekerjaan golongan OKU pendengaran adalah ketika temuduga dengan majikan kerana komunikasi dengan majikan adalah terhad.

Prasarana di tempat kerja juga menjadikan satu halangan kepada golongan OKU pendengaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan sikap negatif masyarakat di tempat kerja. Manakala Hammad Saidi et al.(2018) menyatakan dalam kajiannya mengenai isu dan cabaran golongan OKU penglihatan dalam pekerjaan.Terdapat dua isu pekerjaan utama dihadapi oleh golongan OKU penglihatan di Malaysia iaitu peluang pekerjaan dan isu tempat kerja.Terdapat sembilan cabaran utama yang dikenalpasti sering dihadapi oleh OKU penglihatan dalam mendapatkan peluang pekerjaan iaitu kesan daripada ketakupayaan, usia, gender, tahap pendidikan, latihan dan program, keluarga, majikan, pengangkutan dan polis.Terdapat empat cabaran utama yang sering dialami OKU di tempat kerja iaitu isu mobiliti dan aksesibiliti, kemudahan teknologi, majikan dan rakan sekerja serta risiko keselamatan. Isu-isu ini menyebabkan dilema yang ketara bagi mereka untuk bekerja dan memberikan implikasi negatif seperti tertekan untuk mendapatkan pekerjaan dan mencari sumber rezeki untuk meneruskan kehidupan.

Cabarannya seperti kesan kecacatan, umur, jantina, tahap pendidikan, latihan vokasional dan kemahiran, keluarga, sikap negatif majikan, pengangkutan, kekurangan polisipenguasaan dan persekitaran yang tidak kondusif di tempat kerja menjadi faktor utama yang menyumbang kepada isu pekerjaan kepada golongan OKU penglihatan di Malaysia. Nur Aziyan dan Salmie Jemon (2018) dalam kajiannya menjelaskan bahawa progam Return To Work (RTW) diwujudkan supaya dapat membantu golongan OKU diterima bekerja dalam kalangan majikan di Kota Kinabalu. Mereka merasakan dengan menyertai progam RTW ini dapat membuka peluang kepada golongan OKU untuk kembali bekerja dengan lebih mudah berbanding sebelumnya. Hirwan Jasbir et al. (2017) merumuskan dalam kajiannya bahawakadar upah sahaja yang mengikut spesifikasi peruntukan yang telah diperuntukkan dalam Akta OKU 2008 manakala peluang kenaikan pangkat dan persekitaran tepat kerja masih tidak mengikut peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan.

Dalam kajian Rizal Said dan Rosmawati Sulaiman (2018) faktor-faktor yang menyebabkan golongan OKU bekerja di Johor Area Rehabilitation Organisation (JARO) dikenalpasti. Keperluan dihargai dan menghargai merupakan faktor utama dan faktor seterusnya ialah keperluan sosial dan jaminan pekerjaan. Faktor yang paling kurang mendorong golongan OKU bekerja di JARO ialah keperluan kewangan. Zainora Mohammed et al. (2021)

dalam kajiannya menjelaskan berkenaan pengalaman golongan OKU penglihatan dalam mencari pekerjaan. Kajian tersebut menunjukkan bahawa golongan OKU penglihatan mempunyai pengalaman mencari pekerjaan yang baik dan mempunyai pengalaman bekerja. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang dalam sokongan yang diberikan oleh pihak berkepentingan dan majikan kepada golongan OKU penglihatan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini mengaplikasi kaedah penyelidikan kualitatif iaitu iaitu perbincangan kumpulan fokus dengan golongan OKU yang terlibat dalam bidang keusahawanan. Kaedah kualitatif dipilih kerana kelebihan kaedah membolehkan pengkaji meneroka dan memahami sesatu fenomena dengan lebih mendalam (Che Su, 2020). Sejumlah dua kumpulan terlibat dalam perbincangan kumpulan fokus dengan jumlah keseluruhan seramai 14 orang OKU. Protokol Kajian Bagi tujuan perbincangan kumpulan fokus dengan satu protokol perbincangan telah dibentuk. Antara soalan yang ditanya adalah berkaitan dengan isu dan permasalahan golongan OKU dalam perniagaan, akses kepada ICT, masalah dalam menggunakan ICT serta potensi menceburkan diri dalam perniagaan digital. Keseluruhan perbincangan mengambil masa 45- 60 minit. Analisis Data Data dianalisis menggunakan analisis tematik. Tema-tema yang dibangunkan dikenalpasti dari sorotan karya. Sejumlah tiga orang koder dilantik untuk melakukan proses koding. Nilai Alfa Cohen yang diperolehi ialah .80 yang menggambarkan nilai yang baik bagi setiap kategori yang dibentuk. Namun begitu, bagi tujuan perbincangan kertas kerja ini hanya memfokuskan kepada hasil kajian berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh OKU yang menceburkan diri dalam perniagaan, penguasaan ICT, dan cadangan untuk meningkatkan penguasaan ICT.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan kepada temubual dan perbincangan kumpulan fokus yang telah dijalankan, beberapa tema berkaitan dengan keperluan teknologi dikenalpasti.

Masalah Ekonomi Golongan OKU

Antara masalah yang dihadapi oleh golongan OKU ialah kesukaran mereka untuk melalui kehidupan bermasyarakat.

*“...Ini disuarakan oleh salah seorang informan seperti berikut:
“....Itu perasaan individu yang nak menjalani hidup sebagai seorang yang cacat. Betapa sukarnya nak melalui hidup ditengah-tengah masyarakat. Nak bagi gambaran bahawa untuk orang yang tak nampak contohnya kalau orang kata tak pa mata tak nampak hati terang..Tu semua hipokrit. That was. .nak kata hipokrit tu ya..bila masuk dalam masyarakat layanan tak dapat macam tu. Untuk meneruskan kelangsungan hidup” (Informan R: Cacat Penglihatan).*

Rentetan dari permasalahan sebegini akan menumbulkan pula isu untuk meneruskan kelangsungan hidup. Seperti yang telah dijelaskan di awal kertas kerja ini, terdapat OKU yang mencebur i bidang perniagaan. Seperti mana peniaga lain, mereka juga berdepan dengan masalah persaingan seperti yang dinyatakan oleh informan berikut:

“Saya banyak terlibat dengan peruncitan.. peraih ikan...motor roda tiga saya tu..8 tahun juga saya ulang alik ke kuala..ambil ikan...ambil udang. Lepas tu saya terlibat jahitan. Lepas tu saya pernah buat sos cili pun saya pernah...sos tomato. Tapi hangat-hangat taik ayam la..(ketawa) sebab bila halangan tu..semangat tu tak kuat..kita pun nilah kan...petua untuk berjaya ni dia kena tabah...Tu sajalah petua dia. Tapi orang tak boleh nak buat. Macam saya tak boleh nak buat. Lepas tu saya la ni..nak kata..kontraktor..saya ni kontraktor. Kontraktor ni dia memang ada kerja tapi ada masa dia menganggur, dia bergantung kepada projek la. Dan sekarang ni...tambah sekarang nii...projek lagi tersekat..satu kerja 200 orang berebut...”(Informan Z, Pengguna Kerusi Roda)

Golongan OKU turut terjejas dari segi ekonomi ketika pandemik. Ini digambarkan oleh salah seorang informan seperti berikut:

“Bila PKP banyak perniagaan depa kena tutup. Masa tu depa punya income betoi-betoi zero. Sampai pihak NGO kena hantar beras, hantar minyak, hantar pampers, tolong bayar bil dan sebagainya. Ada sampai ke tahap tu. Minggu lepas saya tengok di berita OKU penglihatan ditangkap dan di dakwa di Kota Bahru kerana mencuri tabung masjid. Hakim menjatuhkan hukuman 2 bulan penjara dan denda rm1500. Kalau tak dapat bayar tu tambah lagi tempoh tahanan. Jangan bercakap la above the law, semua orang tau benda tu. Tapi tanya dia balik pasaipa dia dalam keadaan buta tu sanggup meraba pi mencuri di masjid. Kita jangan cakap berdasarkan nobody above the law” (Informan R, Cacat Penglihatan)

Bahagian seterusnya memerihalkan tentang keperluan golongan OKU untuk meningkatkan aspek ekonomi mereka. Antara kategori utama yang dikenalpasti bagi tema ini ialah:

Keperluan Latihan dan Bimbingan

Salah seorang informan menekankan kepada keperluan maklumat bagi membantu golongan usahawan yang telah mengikuti kursus dan produk yang dihasilkan. Menurut beliau, sekiranya ada bimbingan dari pihak tertentu, kemungkinan besar OKU yang telah mengikuti kursus boleh melaksanakan apa yang telah dipelajari.

“Berniaga sendiri ni..OKU ni kadang-kadang...dia tak dak..tak maklumat apa...deme tolong bagi maklumat..kursus-kursus apa boleh buat...satu lagi kalau kata kursus...kalau dia boleh benar bagi kursus dan peluang pada masa depan...produk tu bagai contoh...nak kemana semua. Halatju dah ada...Ada orang bagi line..jalan. InsyaAllah. Moga boleh berjaya...” (Informan F, OKU Fizikal).

Latihan yang diberikan perlulah bersetujuan dengan jenis kecacatan yang dialami oleh OKU berkenaan. Demikian pandangan Informan R yang cacat penglihatan:

“Jadi kita belajar daripada tu. Sebab dia kena orang yang di latih untuk mengajar. Begitu juga dengan OKU kurang pendengaran pun kalau tak ada orang ajar Bahasa isyarat pun tak boleh juga. Ini yang kita panggil special expertise. Ini yang saya nak tengok ada di negeri Kedah ni”

Beliau turut menambah bahawa kerajaan telah memberikan banyak tetapi asas kepada bantuan adalah pemerkasaan OKU melalui latihan kemahiran yang pelbagai. Contoh yang diberikan ialah perniagaan secara atas talian. Meskipun idea berkenaan baik, tetapi sekiranya golongan berkenaan gagal merebut peluang yang disediakan, usaha kerajaan akan menjadi sia-sia seperti yang dinyatakan oleh beliau:

“Sebenarnya sumber untuk OKU banyak..kerajaan telah umumkan berjuta-juta untuk skim perniagaan, skim bantuan. Begitu juga pihak swasta banyak menyediakan pinjaman itu pinjaman ini dengan loan rate sangat besar. Contohnya ICT untuk bermiaga online..Akibatnya itu semua Tetapi Oku di negeri kedah ini tidak diperkasakan dengan pelbagai kemahiran. tidak dimanfaatkan. Habis semua...sapu habis oleh OKU negeri lain. Selain dari negeri Kedah. Saya tak bawa print out ucapan perdana Menteri tapi saya ingat mulai tahun ini...ap ani..elaun pekerja cacat yang diberikan sebanyak rm450 kepada mereka yang berpendapatan bawah RM1200 telah di naikan kepada pendapatan rm1500. Makanya mereka yang berpendapatan RM1500 layak untuk terima bantuan sebanyak RM450 sebulan. Dan lagi satu saya ingat BSN menyediakan pinjaman sehingga RM50k dengan kadar bunga yang sangat berpatutan. Jadi kita nak cari jalan bagaimana nak memperkasakan OKU di negeri kedah ni. Agar depa boleh ambik peluang untuk melibatkan OKU” (Informan R, OKU Penglihatan)

Manakala seorang lagi responden berpandangan bahawa latihan yang diberikan kepada golongan OKU perlulah diadakan secara bertahap. Tahap yang terakhir adalah bertujuan untuk membentuk keyakinan diri dalam diri golongan OKU untuk bermiaga.

“Dia kalau kita nak buat kita kena buat 3 tahap. Tahap 2 dan 3 memang ada dalam ni (merujuk kepada institusi yang diterajui oleh beliau). Depa belajaq nak buat business dalam kawasan kita. Kita bagi keyakinan diri untuk berdepan dengan masyarakat. Bila kita yakin depa boleh keluaq kita akan keluarkan dia...kita akan cari tempat lain. Macam industri kecil la...dia duduk dalam industri kecil. Industry kecil tu kita yang cari bagi. Kita control...dia ni dapat ka tak dapat...kita pantau dia buat kerja. Dapatkan dia kerja permanent...kalau kita nak duduk dalam tu sampai bila-bila... (Informan B: OKU Penglihatan)

“...Dan yang terakhir sekali kita wujudkan ruang perniagaan dalam ni. Kita buka ruang suruh depa sewa. Kita bagi sewa. Tak dak free. Kita bagi depa sewa kita setup business sendiri..uruskan kewangan sendiri. Cukup bulan kena bayaq sewa dengan kita. Dan pengalaman yang kita dapat saya bekerjasama dengan Penang Port. Saya dapat sewa bangunan daripada PenangPort. Dekat sebelah Vistana Hotel tu. Dekat sebelah restoren

kayu..Saya bagi orang kat sini buat business. Saya Cuma nak modal saya saja..Lepas tu dia Berjaya. Dia minta kat saya 20k. yang kata OKU ni..bila kita bagi peluang..kita desak dia buat. Dia Berjaya. Dia Berjaya himpun 20k bag ikat saya balik. Itulah pengalaman..." (Informan B; OKU Penglihatan)

Keperluan Aplikasi

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kesemua informan yang terlibat mengakui adalah penting diwujudkan aplikasi yang membantu golongan OKU menceburi bidang perniagaan. Demikian menurut pandangan responden seperti:

"....Elemen membangunkan aplikasi untuk menjadi online store untuk OKU itu nanti semua akan menjadikan salah satu subjek dalam tu. Dalam training centre...Macam OKU ni depa pandai buat krafangan, bercucuk tanam. Tapi taka da sapa pun nak pasarkan produk dia tu. Pandai mengurut...pandai jadi bidan..Pandai mengajar tajwid. Semasa PKP banyak orang buta jual tisu dari kedai ke kedai waktu malam...Banyak yang main muzik tepi jalan...Mengurut. Ramai OKU yang pandai. Tapi modal insan...human capital yang ada dalam diri dia tu tak digunakan" (Informan B)

Manakala seorang lagi informan mengatakan bahawa beliau langsung tidak menguasai kemahiran asas berkaitan ICT:

"...nak daftar tu macam mana... daftar online... benda online-online ni macam mana.. saya tak berapa reti... kalau boleh minta tolong masuk dia punya ni apa semua boleh juga...." (AR, OKU Penglihatan)

Meskipun demikian, terdapat OKU yang berpandangan bahawa meskipun penguasaan teknologi adalah minima, tetapi sekiranya diberikan latihan, golongan OKU boleh mencuba untuk menguasainya:

"...Macam OKU ni kita bagi cara macam mana kita nak buat kursus berniaga macam online ka macam mana...Ada sesetengah OKU depa tak tau apa...kita ajar apa..depa buleh..."(Informan 23: OKU Fizikal)

Namun ada juga yang berpandangan negatif seperti berikut:

Jadi kita harap dengan pusat kecemerlangan ni...dia pandemic ka tak pendemik ka..dia boleh jual produk tu atas talian. Dan orang buta nak guna IT bukan mudah. Kita boleh kata lah. Ada pakar ka ada expert ka...Bagi seorang buta ajaq dia nganga...(Informan 6: OKU Penglihatan)

Keperluan Pusat Latihan

Informan juga diminta untuk memberikan cadangan bagaimana untuk mengatasi isu berkaitan dengan aksesibiliti OKU terhadap ICT. Antara cadangan yang diberikan ialah untuk menubuhkan pusat latihan kepada golongan OKU yang lengkap dengan berbagai kemudahan. Ini dijelaskan seperti berikut:

“Menjadikan persatuan ini sebagai hub untuk memperkasakan sama ada dalam aspek Pendidikan mahupun pekerjaan untuk membantu mereka hidup lebih baik. Di negeri Kedah belum ada satu-satu centre yang betul-betul berusaha membangunkan OKU. Rata-ratanya ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang bertebaran di negeri Kedah. Tidak ada satu pihak yang boleh menyambung kan mereka..yang support each other. Kebanyakkan OKU yang berjaya tak ada di Kedah. Boleh katakan mereka berhijrah ke negeri lain. Kebanyakkan mereka berhijrah ke Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru. (Informan R: Cacat Penglihatan)

Ini turut dipersetujui oleh Informan B dengan pandangan berikut:

“Kita plan macam tu lahh..kita nak ada perkampungan kita sendiri. Kalau ada kecemasan kita ada ambulan kita sendiri yang bawa pi hantar...setiap aktiviti kita ni ada workshop workshop kita sendiri..lepas tu dari sini lah kita guna internet kita..multimedia kita untuk promote keluar. Kita ada satu centre..pentdbirannya di sini...control kawasan-kawasan perkampungan kita” (Informan B: OKU Penglihatan)

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kertas kerja ini membicarakan tentang kelangsungan hidup satu lagi golongan yang terpinggir dalam masyarakat iaitu golongan OKU. Antara lain isu yang dibincangkan dalam kertas kerja ini ialah berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi oleh golongan OKU yang memilih bidang keusahawan sebagai punca rezeki. Hasil kajian menunjukkan bahawa golongan OKU terpaksa bersaingan dengan ahli masyarakat lain dalam konteks ini. Dengan itu, mereka perlulah memiliki sikap yang betul serta mampu bertahan untuk terus berjaya dalam bidang ini.

Aspek ICT terutamanya perniagaan digital dilihat sebagai salah satu aplikasi yang perlu dikuasai oleh golongan OKU. Namun begitu, kurangnya pengetahuan, keperluan kepada latihan dan bimbingan menghadkan penggunaan ICT dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Sebagai solusi kepada permasalahan ini, informan mencadangkan supaya satu pusat latihan yang komprehensif disediakan terutama bagi kawasan utara semenanjung bagi mengelakkan golongan OKU berhijrah ke kawasan lain. Pusat latihan ini perlu dilengkapi dengan kemudahan penginapan, tenaga pengajar yang bersesuaian dengan jenis OKU, peluang untuk memulakan perniagaan di bawah bimbingan dan tunjukajar pihak tertentu dan sebagainya. Ini sejajar dengan hasil kajian lepas yang menjelaskan bahawa terdapat dua bentuk sokongan yang diterima oleh usahawan belia kurang upaya iaitu sokongan bentuk ketara dan sokongan tidak ketara. Sokongan ketara terdiri daripada tiga sokongan iaitu kewangan, pengetahuan (kursus latihan) dan peralatan atau material. Sokongan tidak ketara pula terdiri daripada keluarga, rakan dan kaunselor. Hasil kajian mendapati sokongan ketara dari segi

kewangan, pengetahuan dan peralatan lebih banyak diterima oleh usahawan belia kurang upaya berbanding sokongan daripada keluarga, rakan dan kaunselor. Fenomena ini perlulaj diatas bagi membolehkan persaingan yang lebih adil dalam kalangan golongan OKU dan bukan OKU.

Dari segi skop, kajian ini terbatas kepada OKU yang cacat penglihatan sahaja. Sehubungan itu, kajian akan datang boleh mengambilkira lebih banyak ciri OKU dan mengenalpasti bentuk dan jenis teknologi yang diperlukan oleh golongan OKU bagi membantu mereka terlibat dalam perniagaan digital serta berbagai jenis keperluan ICT yang boleh dicipta untuk membantu mereka.

RUJUKAN

- Carroll, N., & Conboy, K. (2020). Normalising The “New Normal”: Changing Tech-driven Work Practices Under Pandemic Time Pressure. *International Journal of Information Management*, 102186.
- Dwivedi, Y. K., Hughes, D. L., Coombs, C., Constantiou, I., Duan, Y., Edwards, J. S., ... & Raman, R. (2020). Impact of COVID-19 Pandemic on Information Management Research and Practice: Transforming Education Work and Life. *International Journal of Information Management*, 55, 102211.
- Fauzy, H. M., & Yuliawati, E. (2022). Digital Marketing Communication Model: Analysis of Social Media Advertising, Eletronic Word of Mouth to Revisit Intention is Mediated by Brand Image. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 10, 108-118.
- Isaruddin, M., Amin, A. S., & Mohamad Aun. (2021). Sokongan psikologi dalam perniagaan kepada usahawan belia kurang upaya fizikal. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 35 (1). 74-86.
- Isaruddin, M., Lokman, M.W., & Amin, A. S. (2018). Isu Pekerjaan Orang Kurang Upaya Pendengaran: Kajian Kes di Selangor. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2 (2), 1-10.
- Mohd Saidi, H., Amin, Amin, A. S., Mohamad Aun, N.S. (2018). Isu dan Cabaran Pekerjaan Orang Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32 (4) 55-65
- Osman, M. O. (2009). ICT Competency and Employment among Malaysian PWDS (People with Disabilities). *Proceeding of IC-ITS 2015 e-ISBN:978-967-0850-07-8 International Conference on Information Technology & Society 8-9 June 2015*, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sani, R. (2020). Handicapped and jobless. *New Straits Times*. Sima, N. A. & Jemon, S. (2019). Penglibatan Pekerja Kurang Upaya Dalam Program Return to Work (RTW), PERKESO. *Jurnal Kinabalu (Volume 25, (Special Issue Postgraduate Seminar) 2019*,